

MITOS-MITOS TENTANG ALAT PENDENGARAN

“ALAT PENDENGARAN ADALAH MENYUSAHKAN”

Pengalaman setiap orang adalah berbeza. Dengan kemajuan teknologi terkini, banyak masalah tentang keselesaan dan kefungsiannya alat boleh diperbaiki.

“SUSAH UNTUK MEMAKAI ALAT”

Awda akan diajar cara untuk menggunakan dan menjaga alat pendengaran awda. Alat pendengaran awda diprogram khas berdasarkan keperluan pendengaran awda.

Awda boleh menukar program alat awda mengikut situasi awda seperti dalam perkumpulan, perbualan perseorangan ataupun persekitaran luar.

“BUNYI LATAR BELAKANG ADALAH TERLALU BISING”

Ciri-ciri alat pendengaran sekarang direka untuk membezakan bunyi percakapan daripada bunyi persekitaran. Ciri-ciri tersebut dapat mengurangkan bunyi latar belakang agar awda dapat mendengar percakapan dengan lebih jelas.

“ALAT PENDENGARAN ADALAH MAHAL”

Alat pendengaran sememangnya mahal kerana teknologi canggih alat pendengaran tersebut.

“MASALAH PENDENGARAN SAYA TIDAK BEGITU TERUK”

Masalah pendengaran biasanya berlaku secara beransur-ansur dan ramai tidak menyedari akan masalah pendengaran mereka. Jika awda seringkali memerlukan orang untuk mengulang percakapan atau perlu menguatkan suara televisyen / radio, awda mungkin memerlukan pemeriksaan pendengaran. Kajian menunjukkan intervensi awal adalah lebih efektif.

Pada masa lalu, penggunaan alat pendengaran sukar diterima oleh orang-orang muda kerana takut dianggap sudah tua. Pemikiran ini semakin berubah kerana lebih ramai kanak-kanak dan orang dewasa mendapatkan bantuan pada

“SAYA AKAN NAMPAK LEBIH TUA”

usia yang lebih muda. Kesan masalah pendengaran adalah lebih ketara daripada rupa memakai alat pendengaran tersebut. Penggunaan teknologi terkini alat pendengaran boleh membuatkan awda nampak semula yang awda rasa.

